



## SIARAN MEDIA

---

### KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN JALIN KERJASAMA STRATEGIK DENGAN PNB RESEARCH INSTITUTE UNTUK MEMPERKUKUH PENYELIDIKAN BERKAITAN SEKTOR AGROMAKANAN NEGARA

---

**KUALA LUMPUR, 9 SEPTEMBER 2025** – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) hari ini telah memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan PNB Research Institute Sdn. Berhad (PNBRI) untuk mewujudkan kerjasama strategik dalam memperkukuh penyelidikan sektor agromakanan negara.

Laporan Awalan Indikator Keterjaminan Makanan 2025 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menunjukkan sektor pertanian negara melibatkan 1.4 juta tenaga kerja dan menjana 7.8% kepada KDNK pada 2023. Namun, adakah ini mencukupi demi keterjaminan makanan negara? Justeru, kajian-kajian polisi secara amnya, memainkan peranan penting dalam mengenal pasti jurang bekalan, tahap kebergantungan import dan keupayaan pengeluaran domestik. Ia menjadi asas kepada perancangan dasar, strategi daya tahan dan pelaburan sektor agromakanan yang mampan selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI dan Dasar Agromakanan Negara 2021–2030.

Majlis pemeteraian ini telah disempurnakan oleh Ketua Setiausaha KPKM, Datuk Seri Isham Ishak, manakala PNBRI diwakili oleh Ketua Pengawai Eksekutifnya, Dr. Sarena Che Omar. Majlis ini telah disaksikan oleh Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Haji Mohamad Sabu dan Pengerusi Kumpulan PNB, Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda di Menara Merdeka 118, Kuala Lumpur.

Pemeteraian MoU ini akan membuka akses kepada data penting agromakanan negara daripada KPKM kepada PNBRI bagi tujuan analisis dan penyediaan pemahaman yang relevan mengenai sektor agromakanan di Malaysia. Penyelidikan dan analisis ini akan bermula dari tahun 2025 sehingga tahun 2027. Antara intipati penyelidikan akan memberi fokus kepada perkongsian kepakaran penyelidikan sektor agromakanan negara termasuk pembangunan pendidikan dan latihan teknikal serta vokasional (TVET) pertanian dan pemanfaatan data Banci Pertanian 2024.

Kerjasama ini juga selaras dengan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) yang merupakan sebahagian daripada strategi KPKM untuk memperkuuh ekosistem penyelidikan dan inovasi dalam sektor agromakanan, di samping menyokong agenda digitalisasi pertanian, dan membuka peluang baharu serta membantu merangka hala tuju yang lebih kukuh untuk masa depan pertanian di Malaysia.

YB Datuk Seri Haji Mohamad Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, menekankan kepentingan kerjasama ini dengan menyatakan:

*“Pemeteraihan MoU ini mencerminkan komitmen Kerajaan dalam memodenkan sektor pertanian, sekali gus melakar era baharu bagi perkongsian awam dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) demi pembangunan sektor pertanian dan agromakanan negara. Kami percaya bahawa dengan kepakaran PNBRI dalam analisis data dan penyelidikan ekonomi, dapat memperkuuh usaha Kerajaan untuk melonjakkan sektor agromakanan ke tahap yang lebih berdaya maju dan mampan”.*

Sementara itu, YM Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda, Pengurus Kumpulan PNB berkata:

*“Kolaborasi antara PNBRI dengan pihak Kementerian ini juga mencerminkan komitmen PNB dalam menyokong agenda pembangunan negara seperti yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13), khususnya dalam memperkuuh kesejahteraan rakyat dan merancakkan pertumbuhan ekonomi inklusif. Inisiatif ini juga seiring dengan GEAR-uP yang menyelaras usaha antara GLIC-GLIC dalam merangsang pertumbuhan sektor-sektor ekonomi utama negara. Melalui pendekatan kolaboratif ini, GLIC dan Kerajaan menjalin kerjasama strategik bagi menghasilkan impak yang lebih besar, berteraskan penyelidikan dan keperluan semasa negara. Usaha ini diharapkan menjadi pemangkin kepada lebih banyak kolaborasi strategik berimpak tinggi yang mampu membawa perubahan nyata yang menyumbang kepada kemakmuran sosioekonomi negara.”*

PNBRI merupakan anak syarikat milik penuh PNB yang ditubuhkan untuk menjalankan penyelidikan antaranya dalam aspek keterjaminan makanan menerusi kerjasama strategik dengan pihak berkepentingan bagi membantu pertumbuhan dan kelangsungan ekonomi negara. Sebagai institusi yang komited terhadap mandat memperkasa kekayaan Bumiputera dan seluruh rakyat Malaysia, PNB komited untuk memenuhi matlamatnya mengukuh kedudukan kewangan rakyat merentas generasi.

### **Mengenai PNB Research Institute Sdn. Berhad (PNBRI)**

PNB Research Institute Sdn. Berhad (PNBRI) telah ditubuhkan oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB) pada 19 Januari 2012 sebagai sebuah syarikat sendirian berhad milik penuhnya. Penubuhan ini bertujuan memupuk budaya penyelidikan dan pembangunan (R&D), memperkuuh pembangunan kapasiti, serta mencari penyelesaian terhadap pelbagai cabaran sosial dan ekonomi negara yang kompleks.

Sejajar dengan asas tersebut, PNBRI kini menumpukan usaha kepada pelaksanaan program penyelidikan dan kajian dasar yang dirangka untuk memahami serta menangani isu-isu berkaitan pembangunan negara Malaysia, di samping mandat dan kepentingan strategik PNB.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.pnbri.com.my](http://www.pnbri.com.my).

**Dikeluarkan oleh:**

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
DAN  
PNB RESEARCH INSTITUTE SDN. BERHAD**

